

Pandangan Pelajar Universiti Berkaitan Masalah Pengangguran Siswazah

Auni Munirah binti Ahmad* and Athirah Azhar

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota
Samarahan, Sarawak, Malaysia*

Date received: 24/01/2025 Date accepted: 02/06/2025

*Corresponding author's email: munirahauni11@gmail

Abstract

Fenomena pengangguran telah menjadi suatu isu yang sering dibangkitkan di Malaysia. Malah sehingga kini isu ini masih belum menemukan langkah yang berkesan dalam menanganinya. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor pengangguran siswazah, kesan-kesan dan langkah-langkah yang diambil dalam mengatasi permasalahan ini. Dalam kajian kualitatif ini, seramai 10 orang informan kajian telah ditemu bual telah dipilih secara rawak dari pelbagai universiti. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik dan dapatan dijelaskan mengikut tema yang telah diklasifikasikan. Dapatan kajian mendapati empat faktor yang menyumbang kepada isu pengangguran siswazah iaitu kemahiran yang tidak memenuhi keperluan industri, pekerjaan terhad, lambakan graduan, dan kurang kesedaran dan persediaan oleh graduan. Hal ini memberi kesan kepada peningkatan masalah kesihatan mental dan masalah sosial, serta mengurangkan jumlah belia ke institut pengajian tinggi. Oleh itu, siswazah mencadangkan supaya memperbanyakkan program latihan yang mendedahkan mereka dengan alam pekerjaan, menggalakkan pelajar dalam bidang keusahawanan dan menghadkan kemasukan pelajar untuk program pengajian tertentu. Kesimpulannya, isu ini adalah satu cabaran yang paling signifikan kerana mencerminkan hubungan yang kompleks antara sistem pendidikan, pasaran pekerjaan, dan pertumbuhan ekonomi yang memerlukan perhatian berterusan dari semua pihak bagi memastikan golongan graduan dapat menyumbang secara efektif kepada pembangunan negara.

Kata kunci: Persepsi, Pelajar universiti, Pengangguran siswazah, Institusi Pengajian Tinggi.

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

1. PENGENALAN

Pengangguran yang semakin meningkat menyumbang kepada masalah ekonomi negara, sekaligus menjadi satu cabaran buat graduan serta belia masa kini untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Daripada laporan statistik berkaitan kadar pengangguran di Malaysia pada Oktober 2023 telah mencatatkan peratusan sebanyak 3.4 peratus iaitu seramai 571,000 orang yang masih menganggur (*Trading Economics*, 2023). Antara negara yang mencatatkan masalah pengangguran tertinggi menurut *World Population Review* pada tahun 2022 ialah Afrika Selatan, Kosovo, Djibouti, dan beberapa negara lain (El Kurniawan, 2023). Tambahan pula, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah menjejaskan banyak pihak terutama organisasi bukan kerajaan dan swasta.

Isu berkaitan pengangguran siswazah di Malaysia menjadi perkara yang dibimbangi oleh ramai pihak. Ini kerana bilangan pelajar yang memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kerajaan dan swasta di Malaysia yang semakin meningkat saban tahun juga menyebabkan berlakunya masalah pengangguran dalam kalangan siswazah. Kajian oleh Hassan (2023) mendapati lebih kurang 90,000 graduan akan berhadapan dengan masalah pengangguran akibat daripada pengeluaran siswazah yang

berlebihan oleh IPT di Malaysia. Anggaran siswazah yang menganggur pada tahun 2018 adalah sebanyak 44.94 juta dan meningkat sebanyak 6.9 peratus bersamaan 5.29 juta pada tahun 2019 (Roslan, 2020). Untuk mendapatkan pekerjaan, siswazah perlu berhadapan dengan persaingan sesama siswazah tambahan pula dengan peluang pekerjaan yang semakin terhad. Jumlah yang ramai dalam kalangan siswazah untuk memasuki pasaran buruh meningkat setiap tahun di mana pada tahun 1982 hanya seramai 231,800 orang berbanding tahun 2010 mencatatkan 2.10 juta orang (Yusof et al., 2013). Dapat dilihat terdapat jurang peningkatan yang begitu tinggi menyebabkan persaingan yang banyak dalam pasaran buruh, tambahan pula keluaran graduan yang semakin meningkat. Oleh itu, objektif kajian adalah bertujuan untuk (1) mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada masalah pengangguran, (2) mengenal pasti kesan sekiranya pengangguran siswazah meningkat, dan (3) cadangan untuk mengatasi masalah pengangguran siswazah di Malaysia.

2. KAJIAN LEPAS

2.1. Punca pengangguran dalam kalangan siswazah

Menurut Mamat et al. (2019) pengangguran di kalangan siswazah adalah berpunca dari masalah kekurangan kemahiran dalam kebolehkeraan serta kebolehpasaran siswazah yang memasuki pasaran buruh dan pekerjaan. Masalah ini juga telah menyebabkan timbulnya isu berkaitan ketidaksepadanan kemahiran graduan dengan permintaan majikan dan keperluan industri (Abdullah & Abd Majid, 2022). Selain itu, ketidaksepadanan bidang yang disediakan atau diambil oleh mereka dengan pasaran kerja juga menjadi salah satu faktor pengangguran (Mohd Makhbul et al., 2015). Isu ketidaksepadanan ini perlu diambil serius oleh pihak yang bertanggungjawab bagi menghasilkan siswazah yang sesuai dengan kehendak pasaran. Omar dan Hassan (2024) dalam hasil kajian mereka menyatakan golongan belia dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun merupakan golongan penganggur kedua tertinggi di Malaysia. Jumlah mereka merangkumi 40 peratus daripada keseluruhan tenaga buruh terdiri daripada golongan belia. Situasi tersebut diburukkan lagi dengan krisis pandemik yang mengehadkan peluang untuk belia memilih pekerjaan setimpal dengan kemahiran dan kelulusan mereka (Omar & Hassan, 2024).

Sementara Othman et al. (2020) dalam kajian mereka menunjukkan kegagalan dalam penguasaan Bahasa Inggeris juga menjadi salah satu faktor pengangguran dalam kalangan siswazah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Ahmad Yalani dan Abu Bakar (2017) yang amat menitikberatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam kalangan graduan kerana ia terlihat penting dalam sektor pekerjaan sebagai alat untuk berkomunikasi. Faktor seterusnya ialah sikap individu yang terlalu memilih pekerjaan (Hanafe & Abdullah, 2022). Daripada kajian Karunamurthi dan Sieng (2018), sikap siswazah yang memilih sektor pekerjaan adalah disebabkan oleh faktor gaji, kenaikan pangkat dan keselesaan tempat kerja. Kenyataan yang sama dinyatakan oleh (Sheik Salem et al., 2018), bahawa sememangnya graduan yang tamat pengajian mengimpikan kerjaya yang bersesuaian, namun terhalang atas beberapa faktor seperti dorongan atau halangan dari keluarga. Perkara ini memberi kesukaran kepada siswazah untuk memasuki pasaran buruh dan untuk mendapatkan pekerjaan (Mohammed & Falex, 2018).

2.2. Kesan peningkatan pengangguran dalam kalangan siswazah

Hamzah dan Abd Latif (2017) menyatakan pengangguran siswazah menyumbang kepada masalah kesihatan mental. Ini kerana, siswazah yang dibebani dengan hutang pengajian, harapan yang tinggi untuk mendapatkan pekerjaan, tanggungjawab untuk membantu keluarga serta mempunyai komitmen-komitmen lain. Selain itu, masyarakat akan beranggapan bahawa pendidikan tinggi di seluruh negeri di Malaysia kurang berjaya kerana menghasilkan tenaga kerja yang tidak menepati kriteria untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan (Yusof et al., 2013).

Tambahan pula, Hanafe dan Abdullah (2022), turut menyatakan pengangguran akan memberi kesan kepada kewangan siswazah dan sekaligus memberi kesan pada taraf hidup mereka. Siswazah yang berpendapatan kecil atau yang belum bekerja perlu membayar hutang pendidikan serta menanggung komitmen lain seperti keperluan harian mahupun keluarga, terutamanya bagi siswazah yang lahir dari keluarga yang berpendapatan rendah.

2.3. Cadangan mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan siswazah

Strategi bagi mengatasi faktor ketidaksepadanan kemahiran atau bidang yang diambil oleh graduan adalah melalui Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) (Abdullah & Abdul Majid, 2022). PBK merupakan medium pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran teori institusi pendidikan dan pelaksanaan amali di sesebuah industri (Ismail et al., 2021). Selain itu, siswazah juga harus mengambil peranan dalam menonjolkan diri mereka di platform yang menjadi tumpuan pihak industri (Alias & Md Akhir, 2022). Kerajaan juga telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) dan Skim Latihan Graduan (SLG) (Yussof et al., 2008). Program ini adalah latihan pekerjaan yang membentuk graduan untuk mahir berkomunikasi ketika berada dalam lingkungan pekerjaan yang sebenar.

Pihak IPT juga dicadangkan untuk mewujudkan *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan pihak industri yang bertujuan memastikan kesemua pelajar tahun akhir setiap institusi menjalankan latihan industri (Saiman, 2022), ini adalah untuk memberi pendedahan kepada graduan akan situasi di tempat kerja. Selanjutnya, graduan boleh menceburi diri dalam bidang perniagaan kerana bidang keusahawanan dilihat sebagai salah satu kemahiran untuk kesediaan bekerja (De Los Rios et al., 2016).

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dan lokasi kajian adalah di Kota Samarahan, Sarawak. Pendekatan kualitatif merupakan fenomena yang tidak dapat diukur, seperti pengalaman manusia, bahasa, dan budaya serta boleh dipelajari melalui lensa teknik penyelidikan kualitatif (Caduff et al., 2023). Penyelidik telah menemubual 10 orang informan yang terdiri dari mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut di IPT di Malaysia. Dengan mengambil kira kos dan masa untuk temubual, pengkaji hanya menemubual 10 orang informan sahaja. Informan telah dipilih secara persampelan mudah iaitu di kalangan siswazah yang sedang melanjutkan pengajian dari pelbagai universiti. Temubual telah dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan teknik temubual separa berstruktur.

Soalan yang digunakan semasa sesi temubual adalah berdasarkan objektif kajian iaitu mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada masalah pengangguran, mengenal pasti kesan sekiranya pengangguran siswazah meningkat dan cadangan untuk mengatasi masalah pengangguran siswazah di Malaysia. Soalan telah dibahagikan kepada 4 bahagian yang berbentuk soalan terbuka. Bahagian (1) adalah berkaitan demografi informan kajian, Bahagian (2) adalah berkaitan faktor berlakunya pengangguran dalam kalangan siswazah, Bahagian (3) ialah kesan pengangguran dalam kalangan siswazah dari pelbagai aspek dan Bahagian (4) adalah berkaitan langkah untuk mengatasi isu pengangguran dalam kalangan siswazah. Data yang diperolehi telah dianalisis melalui kaedah tematik, berdasarkan kaedah tematik oleh Braun dan Clarke (2006) pengkaji melibatkan proses mengklasifikasikan pola atau mencari tema berdasarkan data yang diperolehi.

3.1. Etika penyelidikan

Menurut Sadikon (2021) etika penyelidikan adalah untuk memastikan setiap soalan atau pertanyaan bagi kajian yang melibatkan manusia sebagai informan mengutamakan perlindungan hak dan maruah. Antara etika penyelidikan bagi kajian ini adalah menjaga kerahsiaan informan, bersikap jujur ketika menjalankan kajian, dan meminta persetujuan informan.

Untuk menjaga kerahsiaan informan, pengkaji tidak mendedahkan identiti informan kajian seperti nama dan gambar untuk menjaga kerahsiaan. Pengkaji bersikap jujur dalam merekod, melaporkan dan menganalisis data yang diperolehi dari sesi temubual bersama informan kajian. Selain itu, penglibatan informan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan berdasarkan persetujuan mereka, tanpa sebarang unsur paksaan terhadap individu yang enggan terlibat.

4. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1, majoriti daripada informan kajian iaitu seramai tujuh orang telah menamatkan pengajian dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah, manakala seorang informan kajian adalah lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Asasi dan Diploma. Daripada sepuluh orang informan kajian hanya seorang sahaja daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Universiti Terbuka Malaysia (OUM), manakala sembilan orang daripadanya adalah penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berbeza. Bagi kategori program pula telah dipilih secara rawak dari pelbagai bidang pengajian, manakala bagi tahun pengajian majoriti daripada informan kajian kini berada di tahun ketiga pengajian dan hanya dua orang informan kajian kini berada di tahun keempat pengajian.

Jadual 1: Demografi informan kajian

Informan	Pengajian Lulusan	Universiti	Program	Tahun Pengajian
1	STPM	Universiti Terbuka Malaysia (OUM)	Ijazah Sarjana Muda Bidang Pendidikan Sekolah Rendah	3
2	STPM	Universiti Islam Malaysia (UIA)	Ijazah Sarjana Muda Arab Untuk Komunikasi Antarabangsa	3
3	STPM	Universiti Teknologi Mara Kampus Samarahan (UITM 1)	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dan Perniagaan	3
4	STPM	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah	4
5	Asasi	Universiti Malaya (UM)	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (Pengajian Al-Quran)	3
6	STPM	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan (ISMP)	3
7	STAM	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Kepujian	4
8	STPM	Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian	3
9	STPM	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Kepujian	3
10	Diploma	Universiti Teknologi Mara (UITM)	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal	3

4.1. Faktor-faktor pengangguhan siswazah

4.1.1. Kemahiran yang tidak memenuhi keperluan industri

Seiring dengan peredaran zaman, kemahiran yang ditekankan ialah kemahiran teknologi. Hal ini kerana, dari tahun ke tahun dunia pekerjaan ini juga akan berubah mengikut peredaran zaman dan ia mempengaruhi permintaan kemahiran serta mengubah *trend* pekerjaan dalam pasaran buruh. Perkara ini telah dijelaskan oleh beberapa informan kajian:

Kemahiran yang perlu graduan kuasai ialah kemahiran analisis dan penyelidikan. Aaa kerana keupayaan menganalisis data dan mengesan masalah dan mencari penyelesaian adalah kemahiran yang dicari oleh majikan masa kini.

(Informan 1)

Kemahiran yang diperlukan pada masa sekarang adalah kemahiran teknologi. Sebab, seiring dengan kecanggihan teknologi yang sangat canggih lah pada masa kini. Contohnya penggunaan software, Microsoft office, excel, canva dan sebagainya.

(Informan 2)

Berdasarkan pendapat daripada informan kajian, kemahiran dalam teknologi yang diperlukan adalah seperti dalam analisis data, *Microsoft word*, penggunaan system SPSS, membuat laman web dan sebagainya. Kemahiran teknologi ditekankan dalam perbincangan ini kerana ia dilihat sebagai alat untuk sesebuah organisasi mencapai kecemerlangan melebihi kemampuan biasa.

4.1.2. Peluang pekerjaan terhad

Masalah peluang pekerjaan yang terhad dimana keterbatasan peluang bagi kekosongan jawatan atau sektor pekerjaan yang dapat menempatkan graduan siswazah setelah tamat pengajian. Berdasarkan pendapat dari informan 1 dan 2 ada

Terdapat beberapa perkara yang perlu kita ambil kira sebab aaa peningkatan kadar pengangguran sebelum ni disebabkan oleh Covid-19, yang telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi dan pasaran pekerjaan. Jadi banyaklah syarikat yang mengurangkan kos dengan mengurangkan pekerja atau menangguhkan pengrekrutan.

(Informan 1)

Peluang pekerjaan yang disediakan untuk graduan yang dah graduate ni tidak mencukupi. Sebagai contoh, satu bidang tu mungkin tidak dapat menawarkan pekerjaan yang cukup untuk semua siswazah.

(Informan 2)

Berdasarkan temu bual daripada informan 1 dan 2, ia telah membincangkan bahawa antara faktor peluang pekerjaan terhad adalah disebabkan oleh Covid-19. Yang mana keadaan tersebut menyebabkan banyak industri membuang pekerja atau menghadkan kemasukan pekerja baharu. Informan juga menyatakan, bahawa ketersediaan peluang pekerjaan masa kini tidak menampung jumlah graduan yang begitu banyak saban tahun. Ini menyebabkan keterbatasan peluang pekerjaan kepada golongan graduan lepasan.

4.1.3. Lambakan graduan

Lambakan graduan di dalam konteks ini adalah merujuk kepada jumlah graduan yang melebihi permintaan sektor pekerjaan oleh IPT di Malaysia. Ini menyebabkan ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan kerana kuota sektor pekerjaan tidaklah bergantung kepada jumlah keluaran graduan. Infroman menyatakan:

Aaa ada jurang antara keperluan industri dengan kebolehgraduan menyebabkan ketidakseimbangan penawaran dan permintaan pekerjaan. Contohnya macam kos kamek pengurusan dan perniagaan, nya melahirkan banyak graduan. Tapi untuk permintaan untuk graduan sikit jak.

(Informan 3)

Contoh macam kos kamek, kos pendidikan tek contoh kita ambik contoh yang ambik tahun tok dalam 150 orang camya. Tapi padahal, cikgu yang diperlukan pada masa depan, pada masa akan datang dalam 50 orang camya jak. Jadi 100 orang yang sik dapat jadi cikgu. Jadi nya perlu tunggu beberapa tahun akan datang.

(Informan 5)

Berdasarkan informan 3 dan 5 telah menyatakan bahawa terdapat jurang antara keperluan industri dengan kebolehgunaan graduan yang menyebabkan ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan pekerjaan. Hal ini berlaku kerana kuota sektor pekerjaan adalah terhad dan tidak sepadan dengan jumlah graduan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi setiap tahun. Contohnya, program seperti pengurusan dan perniagaan menghasilkan ramai graduan, tetapi permintaan pekerjaan dalam bidang tersebut adalah rendah. Begitu juga dalam bidang pendidikan, jumlah graduan yang dilahirkan melebihi keperluan guru pada masa hadapan, menyebabkan sebahagian graduan terpaksa menunggu peluang pekerjaan.

4.1.4. Kurang kesedaran dan persediaan oleh graduan

Sebelum bergraduasi, seharusnya para graduan sudah membuat persediaan untuk mencari pekerjaan dengan mendapatkan informasi berkaitan industri yang menawarkan pekerjaan. Namun, segelintir graduan kurang sedar dan tidak membuat persediaan awal untuk mendapatkan maklumat berkaitan keperluan majikan dari setiap industri. Hal ini menyebabkan graduan tidak mempersiapkan diri untuk memasuki sektor pekerjaan seperti dari segi kemahiran, persediaan untuk temu duga sehingga ada yang tidak tahu untuk membuat *resume* serta susunan di dalam *resume*. Hal ini juga telah diutarakan oleh Informan 2 dan 4:

Kurangnya kesedaran dan persediaan awal oleh siswazah mengenai keperluan dan trend pekerjaan pada masa kini. Iaitu seperti para siswazah tidak mengetahui apa yang diperlukan oleh para majikan.

(Informan 2)

Pastu yang diri sendiri, maksudnya ialah tidak bersedia untuk interview dan sebagainya, tidak menyiapkan diri. Masih banyak aa apa kerompongan dalam diri, tak pandai IT, tak pandai berbahasa, aa itu yang menyebabkan orang tidak tertarik untuk mengambil anda dalam pekerjaan.

(Informan 4)

Informan 2 dan 4 berpendapat bahawa kesedaran dan persediaan awal oleh lepasan graduan diperlukan dalam menghadapi alam pekerjaan. Terutamanya, persediaan dari segi pelbagai kemahiran seperti kemahiran sendiri, IT, dan bahasa. Hal ini kerana, dengan persediaan tersebut mampu menarik pihak majikan untuk mengambil lepasan graduan bekerja.

4.2. Kesan pengangguran siswazah

4.2.1. Masalah kesihatan mental

Ramai pihak yang kurang kesedaran bahawa isu pengangguran boleh mempengaruhi kesihatan mental siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Pengangguran menyebabkan mereka tertekan apabila memikirkan hutang pengajian atau masalah kewangan, stigma masyarakat, harapan untuk mendapatkan pekerjaan, dan apabila melihat rakan lain telah bekerja. Beberapa informan menyatakan seperti berikut:

Sebab terutamanya masalah kewanganlah sebab nak bayar pinjaman lagi, nak bayar itu ini lagi.

(Informan 1)

Hal ini kerana mereka terpaksa mencari apa sahaja cara untuk menampung sara hidup mereka sedangkan mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.

(Informan 8)

Boleh jadi disebabkan kata-kata orang sekeliling yang always tanyak bila kerja. Belom gik yang diam di kampung akan dengar bunyi orang klaka pasal siswa ya tek menganggur di rumah sedangkan lepasan universiti. Belum gik rasa iri hati, jeles kata orang nangga kawan-kawan lain kerja ada duit dipun dahya nya tek nak keluar sikda duit.

(Informan 9)

Pandangan dari informan kajian jelas menunjukkan bahawa kesihatan mental graduan adalah terganggu disebabkan oleh isu kewangan dan tekanan sosial. Informan 8 menegaskan bahawa kekurangan pekerjaan memaksa mereka untuk memikirkan cara bagi mendapatkan sara hidup. Tambahan menurut informan 9 yang mana tekanan daripada masyarakat sekeliling juga antara faktor kepada permasalahan ini.

4.2.2. Peningkatan masalah sosial

Masalah sosial bukanlah perkara baru yang dibicarakan dalam masyarakat hari ini dan kesan dari pengangguran siswazah juga membawa peningkatan kepada permasalahan ini. Tekanan hidup serta faktor kewangan memaksa graduan untuk terjebak dengan masalah sosial seperti mencuri, merompak, dadah dan sebagainya. Menurut Informan 2:

Bila mereka menganggur mereka tiada pendapatan, bila tiada pendapatan kebajikan mereka terjejas seperti aaa duit untuk makan, minum ataupun tempat tinggal bagi yang tidak tinggal bersama keluarga atau dari keluarga yang kurang pendapatan dan ini mengundang kepada masalah sosial.

(Informan 2)

Pendapat daripada informan 2 dimana kekurangan sumber pendapatan menyebabkan kesukaran untuk mereka menyara keperluan diri sendiri seperti makan, minum dan sebagainya. Permasalahan ini mendesak mereka untuk melibatkan diri dalam masalah sosial misalnya merompak mahupun mencuri untuk mendapatkan kewangan bagi kelangsungan hidup.

4.2.3. Imej negatif kepada IPT

Pengangguran siswazah akan memberi imej negatif kepada IPT apabila wujudnya tanggapan masyarakat bahawa IPT tidak mampu menghasilkan tenaga kerja yang memenuhi pasaran pekerjaan. Isu yang pastinya dibangkitkan adalah dari segi peranan IPT, program pengajian yang ditawarkan dan kualiti graduan. Ini kerana masyarakat meletakkan tanggapan yang tinggi kepada semua IPT di Malaysia. Perkara ini dinyatakan oleh Informan 1:

Pihak lain yang akan mendapat persepsi negatif dan dipertanggungjawabkan. Antaranya yang pertama sekali bagi saya mungkin IPT itu sendiri. IPT ni memainkan peranan yang penting dalam membekalkan graduan dengan kemahiran dengan pengetahuan yang relevan, jika graduan tu takda kemahiran dan sukar dalam melakukan pekerjaan. IPT tu juga perlu menilai semula kurikulum dan memastikan program pendidikan mereka sejajar dengan keperluan pasaran buruh sekarang.

(Informan 1)

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa tanggapan yang tinggi masyarakat terhadap IPT pada akhirnya mengundang kepada persepsi negatif dimana IPT yang dipertanggungjawabkan atas isu

pengangguran graduan ini. Ini kerana, masyarakat meletakkan tanggapan tinggi kepada pihak IPT untuk melahirkan graduan yang berkualiti.

4.3. Langkah mengatasi pengangguran di kalangan siswazah

4.3.1. Program latihan yang mendedahkan graduan dengan alam pekerjaan

Program latihan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan adalah seperti latihan industri atau praktikal yang kini dijalankan oleh kebanyakan IPT untuk pelajar tahun akhir. Latihan industri bukan sahaja membolehkan pelajar merasai pengalaman bekerja serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran, malah kebanyakan berpeluang tinggi untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat latihan industri sekiranya mereka menunjukkan potensi yang baik kepada agensi tersebut. Ia dinyatakan oleh Informan 6 dan 8:

Sebab sekarang kebanyakan syarikat mereka mengambil budak intern ni jika mereka bagus dari segi kemahiran.

(Informan 6)

Apabila sudah intern di suatu tempat maka peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan tempat tersebut jugak agak besar berbanding pelajar yang lain.

(Informan 8)

Kedua-dua informan menjelaskan bahawa program latihan ini turut membantu dalam mengurangkan masalah pengangguran graduan kerana potensi untuk mendapat pekerjaan itu tinggi, jika graduan memberikan komitmen yang baik.

4.3.2. Siswazah menjalankan perniagaan sendiri

Membuka perniagaan sebelum mendapatkan pekerjaan tetap boleh membantu siswazah mendapatkan sumber pendapatan sampingan. Sokongan dari pihak kerajaan dan institusi adalah penting, di mana mereka berfungsi dalam membantu menyediakan modal untuk graduan membuka perniagaan dan program-program keusahawanan. Hal ini dicadangkan oleh informan kajian seperti berikut:

Peluang keusahawanan bagi graduan. Contohnya macam mun UITM, nya memang selalu ada polah program keusahawanan. Dari sia nya boleh memupuk minda student UITM tok untuk mempunyai ilmu camne untuk nya survived dirik nya if nya sikda pekerjaan selain daripada aa ber business.

(Informan 3)

Kerajaan boleh bagi banyak sikit peruntukan kepada pelajar-pelajar yang menganggur contoh macam bagi modal lah. Tapi dia bukan bagi modal camya jak, bersyarat lah supaya pelajar ya lebih gigih sikit untuk bukak business dan sebagainya.

(Informan 4)

Informan 3 dan 4 mencadangkan bahawa aktiviti keusahawanan ini merupakan salah satu alternatif kepada graduan yang menganggur untuk menjana pendapatan. Tambahan, dicadangkan juga oleh informan agar pihak kerajaan memperuntukkan modal bersyarat bagi graduan yang berhasrat untuk memulakan perniagaan.

4.3.3. Hadkan kemasukan pelajar untuk program pengajian tertentu

Kementerian Pendidikan Tinggi seharusnya menghadkan kuota kemasukan pelajar bagi bidang pengajian yang mencatatkan jumlah pengangguran tinggi dalam kalangan graduan. Ini kerana, terdapat sesetengah dari bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPT kurang mendapat sambutan dalam sektor pekerjaan dan jumlah graduan yang terlalu ramai dikeluarkan, menyebabkan penawaran dan permintaan bagi bidang pengajian itu tidak seimbang di dalam industri. Menurut informan 7:

Pada pandangan saya lah, langkah lain juga adalah dengan hadkan kemasukan pelajar di IPT untuk mengatasi masalah lambakan graduan. Tetapi bagi saya lagi, kemasukan ini dihadkan untuk bidang-bidang tertentu ja lah yang mana menurut IPT tu sendiri penawaran pekerjaan untuk bidang itu sedikit.

(Informan 7)

Informan kajian menyatakan agar pihak kerajaan menghadkan kemasukan bagi bidang pengajian tertentu terutama yang merekodkan jumlah pengangguran tertinggi. Langkah ini dapat mengatasi isu lambakan graduan dalam bidang yang kurang mendapat permintaan oleh sektor pekerjaan.

5. PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian, menunjukkan setiap dari faktor, kesan, dan langkah pengangguran siswazah mempunyai hubungannya tersendiri. Bagi faktor pengangguran siswazah, didapati terdapat hubungan antara lambakan graduan dan peluang pekerjaan yang terhad. Berdasarkan statistik pendidikan tinggi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2022), seramai 93,939 graduan yang dikeluarkan daripada universiti awam manakala bagi universiti swasta adalah sejumlah 53,379 orang. Lambakan graduan telah mencetuskan pengangguran apabila permintaan industri tidak sejajar dengan penawaran graduan. Tambahan, terdapat sesetengah bidang pengajian itu berpeluang rendah apabila memasuki sektor pekerjaan kerana permintaan pekerjaan terhad, sehingga menjadi cabaran buat graduan menurut (Suhaimi dan Abdul Hamid, 2024). Secara ringkasnya, jumlah graduan yang tinggi juga menjadi faktor kepada peluang pekerjaan terhad. Faktor seterusnya adalah kurang kesedaran oleh graduan dan kemahiran yang tidak memenuhi keperluan industri. Sikap ini menyebabkan mereka alpa untuk mempersiapkan diri dengan segala kemahiran yang diperlukan oleh industri menyebabkan mereka tiada keterampilan untuk ditunjukkan kepada golongan majikan. Khamis dan Cosmas (2023) dalam kajian mereka menyatakan kegiatan dalam program *upskilling* membantu pelajar untuk lebih bersedia dalam pencarian pekerjaan. Othman et al. (2020) juga menekankan tentang pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris. Oleh itu, semakin tinggi kebimbangan siswazah dalam kerjaya masa hadapan, maka semakin tinggi kesediaan mereka untuk bekerja (Khamis & Cosmas, 2023).

Kesan pengangguran siswazah pula telah menunjukkan hubungan antara peningkatan masalah sosial dan kesannya terhadap IPT. Permasalahan ini berhubungkait dengan imej IPT apabila wujudnya persepsi atau stigma masyarakat yang menunding jari kepada IPT kerana graduan universiti menyumbang kepada peningkatan masalah sosial di Malaysia. Masalah sosial yang dibincangkan adalah seperti jenayah, kadar kemiskinan dan sebagainya. Menurut Hanafe dan Abdullah (2022) masalah pengangguran yang tidak dibendung akan memberi kesukaran kepada rakyat serta graduan untuk mendapatkan pekerjaan, dan menyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan serta ketidakstabilan ekonomi. Keadaan ekonomi yang mendesak dalam kalangan graduan yang menganggur akan mengundang kepada peningkatan kadar jenayah serta masalah sosial lain yang lebih serius (Adnan, 2020). Memang tidak dinafikan, secara realitinya tekanan kewangan akan mendorong individu untuk melakukan sesuatu yang di luar jangkaan mereka. Kajian oleh Saiman (2022) juga dijadikan sokongan bagi perkara ini bahawa sememangnya pengangguran graduan menyebabkan peningkatan masalah sosial dalam kalangan masyarakat, kualiti institusi pendidikan serta pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, masalah pengangguran juga boleh memberi kesan kepada masalah kesihatan mental individu. Alias dan Md Akhir (2022) mendapati pengangguran dikatakan sebagai sebuah peristiwa tekanan yang memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi dan fizikal seseorang.

Bagi Hamzah dan Abd Latif (2017) pula, masalah pengangguran yang serius akan menyumbang kepada masalah kesihatan mental kerana siswazah dibebani dengan hutang pengajian dan beberapa komitmen lain. Pengangguran dalam jangka masa panjang menyebabkan kebimbangan yang serius dalam kalangan individu yang membawa kepada masalah kesihatan mental seperti tekanan (Shah & Khuhawar, 2019). Oleh itu, keputusan untuk bekerja dalam bidang yang tidak setara dengan kelayakan dalam sektor awam hanya dibuat setelah gagal mendapat pekerjaan yang setara kerana semakin lama menganggur semakin tinggi kos mencari pekerjaan (Shahril et al., 2023).

Bagi langkah mengatasi pengangguran siswazah, semua pihak perlu memainkan peranan dalam mengatasi isu ini termasuk graduan itu sendiri. Antara langkah yang dicadangkan adalah, graduan boleh menceburkan diri dalam bidang keusahawanan untuk menjana sumber pendapatan sebelum mendapat pekerjaan tetap. Alias dan Md Akhir (2022) berpandangan siswazah juga perlu mencipta peluang pekerjaan sendiri seperti menceburi bidang keusahawanan. Sabarudin et al. (2022) bersetuju dan menyatakan program usahawan berjaya membantu siswazah membina karier selepas mereka tamat pengajian. Selain itu, siswazah juga dicadangkan untuk mempromosikan diri dalam platform media sosial seperti *LinkedIn* (Alias & Md Akhir, 2022). Langkah seterusnya perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui menunjukkan kolaborasi dengan pihak IPT. Seperti menyediakan program latihan yang mendedahkan graduan dengan alam pekerjaan. Di dalam usaha kerajaan ini, program latihan industri telah dilaksanakan oleh seluruh IPT di Malaysia yang memberi pendedahan kepada graduan dengan persekitaran pekerjaan (Saiman, 2022). Selain itu, siswazah juga mesti didedahkan dengan penggunaan teknologi masa kini (Ali et al., 2024). Program ini terbukti memberi keberkesanan kepada graduan apabila mereka berpeluang mendapatkan pengetahuan, kemahiran, serta mempraktikkan pembelajaran ketika menjalankan latihan industri (Ali et al., 2024) membantu graduan meningkatkan kemahiran selari dengan permintaan majikan dan pasaran pekerjaan.

6. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pelajar universiti mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berkaitan dengan isu pengangguran siswazah. Perbincangan masyarakat berkaitan isu pengangguran ini tidak asing di negara ini, namun aspek pengangguran dalam kalangan siswazah masih kurang diberi perhatian. Tanggapan tinggi masyarakat terhadap graduan IPT menutup isu ini dari terus dibincangkan. Ini kerana ramai pihak yang tidak mengetahui akan cabaran serta halangan golongan siswazah yang ingin memasuki sektor pekerjaan setelah mereka tamat pengajian.

Oleh itu, isu pengangguran ini sering kali dibahaskan dan masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Namun harapan pengkaji agar isu pengangguran dalam kalangan siswazah dapat dikurangkan dan mendapat perhatian serius serta tindakan sewajarnya dari pihak yang berkaitan. Fenomena pengangguran siswazah ini menjadi petanda bagi meningkatkan keberkesanan sistem sokongan untuk golongan graduan memasuki pasaran buruh. Isu ini memerlukan komitmen jangka panjang dari semua pihak bagi memastikan pengeluaran graduan universiti dapat dimanfaatkan sepenuhnya di negara ini.

RUJUKAN

- Abdullah, N. S. S., & Abd Majid, Z. (2022). Kebolehpasaran modal insan lepasan institusi pengajian tinggi di malaysia: Isu dan strategi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001615. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1615>
- Adnan, S. (2020). Pengangguran pasca Covid-19. BERNAMA. https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1855279&utm_source=chatgpt.com
- Ahmad Yalani, N. N., & Abu Bakar, N. R. (2017). Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris dan Faktor-Faktor Dalaman dan Luaran Yang Mempengaruhinya di Kalangan Pelajar Sebuah IPTS di Selangor: The English Proficiency and Internal and External Factors Affected Its Among IPTS Student In Selangor. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 20–28. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v1i1.108>

- Alias, N. A. S., & Md Akhir, N. (2022). Strategi daya tindak dalam menangani isu pengangguran dalam kalangan graduan IPTA yang terkesan akibat pandemik Covid-19. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1–10. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/452>
- Ali, M. A., Kamaruddin, N. A., & Samsuri, N. (2024). Kajian keberkesanan latihan industri bagi pelajar sijil perkhidmatan logistik kolej komuniti kementerian pengajian tinggi Malaysia. *SEMINAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)* 2024, 1(1), 310–319. <https://spsb.mypolycc.edu.my/proceedings/index.php/spsb2024/article/view/89>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Bhangu, S., Provost, F., & Caduff, C. (2023). Introduction to qualitative research methods–Part I. *Perspectives in clinical research*, 14(1), 39–42. https://doi.org/10.4103/picr.picr_253_22
- De Los Rios, I., Ortuño, M., & Rivera, M. (2016). Private–Public partnership as a tool to promote entrepreneurship for sustainable development: WWP torrearte experience. *Sustainability*, 8(3), 199 <http://dx.doi.org/10.3390/su8030199>
- El Kurniawan, Moh. A. (2023, March 28). 7 negara dengan tingkat pengangguran tertinggi. Narasi Tv. <https://narasi.tv/read/narasi-daily/7-negara-dengan-tingkat-pengangguran-tertinggi>
- Hamzah, H., & Abd Latif, N. A. (2017). Meramal pengangguran siswazah berdasarkan faktor demografi, personaliti, kesempurnaan dan kesihatan mental: Predicting graduates unemployment based on demographic factors, personality, perfectionism and mental health. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(2), 25–33. [ISSN 1985-496X/ eISSN 2462-2435](https://doi.org/10.1111/ISSN1985-496X/eISSN2462-2435)
- Hanafe, N., & Abdullah, B. (2022). Faktor-faktor peningkatan kadar pengangguran di Malaysia ketika pandemik Covid-19. https://oer.ums.edu.my/bitstream/handle/oer_source_files/1878/OER%20%202022.pdf?sequence=1
- Hassan, M. S. (2023, Februari 18). 90,000 bakal menganggur. In *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/937225/90000-bakal-menganggur>
- Ismail, S., Mohamad, M. M., & Mohd Faiz, N. S. (2021). Kebolehpasaran siswazah melalui pendekatan pembelajaran berasaskan kerja di politeknik. *Sains Insani*, 6(2). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no2.312>
- Karunamurthi, K., & Sieng, L. W. (2018). Pilihan sektor pekerjaan dan faktor mempengaruhi pilihan pekerjaan dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(2), 5–11.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2022). Statistik pendidikan tinggi 2021. In Sistem Kajian Pengesanan Graduan, KPT. <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/statistik/2021-1/857-statistik-pendidikan-tinggi-2021/file>
- Khamis, M. F., & Cosmas, G. (2023). Penglibatan program upskilling dan kebimbangan kerjaya terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 11, 214–221. <https://doi.org/10.51200/jkob.v11i>
- Mamat, M., Daiman, D., Mohd Musa, R., Irham, N. A., Kok Mun, W., & Voon Yau, Y. (2019). Kebolehpekerjaan graduan institut latihan perindustrian Kuala Langat, Selangor. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 46–63. <https://doi.org/10.17576/malim-2019-2001-05>
- Mohammed, R. @ U., & Falex J, L. (2018). Isu kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u tingkatan enam di bahagian Pantai Barat Selatan Sabah. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 4(10), 96–105. [eISSN : 24621714](https://doi.org/10.1111/eISSN:24621714)
- Mohd Makhbul, Z., Yussof, I., & Awang, A. H. (2015). Antara realiti dan harapan -Kajian empirikal persepsi majikan terhadap prestasi graduan tempatan. *Geografia, Bangi*, 11(10), 27–36.
- Othman, F., Mutalib, R., & Manjamain, R. (2020). Perspektif mahasiswa terhadap faktor pengangguran siswazah di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 PASAK5 2020*, 609, 620. [e-ISBN: 978 967 2122 78 4](https://doi.org/10.1111/e-ISBN:9789672122784)
- Roslan, N. A. (2020). Masalah Pengangguran Dalam Kalangan Siswazah di Malaysia. [www.ngohub.asia. https://www.ngohub.asia/stories/58](https://www.ngohub.asia/stories/58)
- Sabarudin, A., Lokman, N. H., Jantan, N. S., Zainuridin, N. A., Abd Halim, A., & Khoiry, M. A. (2022). Tinjauan keberkesanan program keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap

- kebolehpasaran graduan menurut perspektif alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001272-e001272. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1272>
- Sadikon, S. F. (2021). Webinar etika penyelidikan. Edu. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/69730/1/69730.pdf>
- Saiman, M. Z. (2022). Analisis kajian faktor dan punca pengangguran di Malaysia: Sorotan tinjauan dari tahun 2010 - 2020. *Kuala Lumpur, Malaysia 15 January 2022*, 123. e-ISBN: 978-967-2476-39-9
- Shah, H., & Khuhawar, K. H. (2019). Social problems due to unemployment. *Journal of Marketing and Information Systems*, 2(1), 8-9. <https://doi.org/10.31580/jmis.v1i2.476>
- Shahril, R. N., Shahiri, H., Mansur, M., & Mokhtar, A. (2023). Kesan ketakpadanan pendidikan-pekerjaan ke atas guna tenaga sektor awam. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 57(1), 21-32. <http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2023-5701-03>
- Sheik Salem, N. B., Ismail, F., Abdul Kadi, A., & Azlin Puteh Salin, A. S. (2018). Hubungan di antara pemilihan kerjaya dengan kepuasan kerjaya. In *publisher.uthm.edu.my*. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1231/487>
- Suhaimi, H. H., & Abdul Hamid, H. (2024, March 20). Peluang kerja mahir terhad. *Khazanah Research Institute*.
- Trading Economics. (2023). *Malaysia unemployment rate*. Tradingeconomics.com; Trading economics. <https://tradingeconomics.com/malaysia/unemployment-rate>
- Yusof, N., Jamaluddin, Z., & Mat Lazim, N. (2013). Persepsi pelajar prasiswazah terhadap kebolehpasaran graduan dan persaingan dalam pasaran pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 77–92.
- Yussof, I., Ismail, R., & Sidin, R. (2008). Graduan dan alam pekerjaan: Kes siswazah UKM graduates and employment: The case of UKM's graduates. *Akademika*, 3–24. <http://journalarticle.ukm.my/654/1/akademika72%5B01%5D.pdf>